

KESAN ALIRAN EPISTEMOLOGI BARAT MODEN TERHADAP UMAT ISLAM

Ismail Mamat¹

Abstrak

Artikel ini membahaskan aliran epistemologi Barat moden dan kesannya kepada umat Islam. Perbincangan tentang epistemologi berkisar mengenai sumber ilmu dan tabiatnya. Penulisan ini bertujuan agar umat Islam memahami pelbagai serangan pemikiran yang telah dirancang dan dikembangkan oleh golongan yang terpengaruh dengan tamadun Barat moden dan ideologinya seperti sekularisme, humanisme, rasionalisme, empirisisme dan seumpamanya untuk melemahkan pemikiran umat Islam. Kekeliruan terhadap epistemologi mengundang bahaya yang besar kepada umat Islam. Manakala kesedaran terhadap kesan dan bahaya aliran epistemologi Barat moden ini dapat membantu umat Islam mengembalikan keyakinan terhadap agama Islam dan membina kekuatan berasaskan kepercayaan yang benar. Dinamika umat Islam sangat-sangat diperlukan di dalam mendepani cabaran semasa. Ada segolongan umat Islam yang memperolehi pendidikan dan inspirasi dari pandangan hidup sekular Barat tetapi amat jahil tentang Islam dan pandangan hidupnya. Mereka kononnya cuba melakukan pembaharuan terhadap umat Islam dengan membawa masuk fahaman Barat, sedangkan fahaman tersebut adalah bahaya dan boleh menyesatkan tanpa disedari oleh mereka.

Kata kunci: epistemologi, sumber ilmu, rasionalisme, empirisisme, sekularisme

THE EFFECTS OF MODERN WESTERN EPISTEMOLOGICAL STRANDS ON MUSLIMS

Abstract

This article discusses the strands of modern Western epistemology and its impact on Muslims. Discussion of epistemology revolves around sources of knowledge and its nature. This writing aims to make Muslims aware of the various assaults on their minds that have been devised and developed by those influenced by modern Western civilization and its ideologies such as secularism, humanism, rationalism, empiricism and the like to undermine the thinking of Muslims. The confusion over epistemology poses a great danger to Muslims. Meanwhile awareness of the effects and dangers of modern Western epistemological strands may

¹ Ismail Mamat, PhD, adalah Penolong Profesor di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. E-mel: ismail.m@iiu.edu.my

on true belief. The dynamics of Muslims are very much needed in dealing with current challenges. There are a number of Muslims who find education and inspiration from the Western secular view but seem to be very ignorant of Islam and its teachings. They supposedly tried to reform the Muslims by bringing in Western thoughts, even though almost all are dangerous and unconsciously deviating them from Islam.

Keywords: *epistemology, sources of knowledge, rationalism, empiricism, secularism*

Pendahuluan

Perkataan epistemologi berasal dari bahasa Greek *episteme* yang bermaksud teori ilmu. Ia merupakan pengkajian tentang asas-asas kefarduan ilmu dan makrifah, natijah, persoalan yang berhubung dengan sumber ilmu, sifat, ciri, ilmu yang boleh dicapai atau tidak serta alat-alat untuk mencapai ilmu, batasan dan kedudukan mauduknya.

Dengan kata lain, epistemologi adalah suatu cabang falsafah yang membahaskan tentang persoalan ilmu pengetahuan seperti; apa itu ilmu pengetahuan?; bagaimana proses memperoleh ilmu pengetahuan?; apa syarat mendapat ilmu pengetahuan?; apa itu sesuatu yang benar?; apa kriteria untuk menyatakan sesuatu itu benar?; apa cara, teknik atau saranan yang dapat membantu memperoleh ilmu pengetahuan yang benar?; dan sebagainya.²

Pada hari ini, umat Islam menghadapi pelbagai ancaman negatif dan destruktif serta bersifat sejagat bawaan tamadun dan ideologi Barat moden. Tamadun ini terhasil dari adunan sifat-sifat kebudayaan, falsafah, nilai dan hasrat hidup Yunani dan Rumawi lama, dan percampuran dengan unsur-unsur agama Yahudi dan Kristian. Dengan kata lain, asasnya bukanlah Islam, malah bertentangan dengan nilai Islam.

Tamadun dan ideologi Barat menjadi ancaman besar kepada umat Islam kerana inti pati dan semangatnya mampu meruntuhkan asas agama, dasar akhlak dan mengelirukan kaum Muslimin termasuk di dalam memahami sumber dan tabiat ilmu.

² Jujun S. Suriasumantri, *Filsafat Ilmu: Sebuah Pengantar Populer* (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1998), 119.

Sumber, Tabiat dan Pencapaian Pengetahuan

Wahyu khususnya al-Qur'an merupakan sumber pengetahuan yang utama, petunjuk dan pembeza antara yang hak dan yang batil kerana Allah SWT adalah satu-satunya sumber kebenaran. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 185, yang bermaksud:

Beberapa hari yang ditentukan itu ialah bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeza (antara yang hak dan yang batil).

Wahyu merupakan sumber ilmu yang paling tepat dan diyakini untuk mencapai pengetahuan yang bersifat fizik, dan metafizik yang tidak dapat dijangkau oleh akal manusia yang terbatas, seperti syurga, neraka, malaikat, azab kubur, iblis, mizan, sirat dan peristiwa hari kiamat. Allah SWT berfirman dalam Surah al-A'raf, ayat 52, yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami telah mendatangkan sebuah Kitab (al-Qur'an) kepada mereka yang Kami telah menjelaskannya atas dasar pengetahuan Kami; menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Walaupun akal diberi tempat yang tinggi dalam Islam, namun ia tidak dapat mengatasi atau menandingi kedudukan Wahyu sebagai sumber kebenaran. Secara umumnya, pengetahuan datang daripada pelbagai saluran, iaitu pancaindera yang lima, akal yang sejahtera, perkhbaraan yang benar dan intuisi atau ilham yang benar.³

Walau bagaimanapun, manusia berbeza dalam mencapai ilmu pengetahuan berdasarkan perbezaan tabiat jiwa dan akal mereka. Menurut 'Abd al-Rahman bin Muhammad ibn Khaldun (m.1406), ia sesuatu yang tidak dapat dilihat dan disaksikan, tetapi terdapat tanda-tanda yang dapat disaksikan melalui tubuh manusia. Jiwa manusia terbahagi kepada tiga jenis:

1. Jiwa yang menggunakan pancaindera sebagai laluan untuk mencapai pengetahuan. Jiwa ini yang dicontohi oleh para cendekiawan melalui alat-alat *idrak* (sifat mengetahui) berbentuk deria.

³ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri* (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Malaysia, 1986), 31.

2. Jiwa yang dapat sampai kepada pengetahuan secara rohani tanpa menggunakan pancaindera, berdasarkan persediaan yang dikurniakan. Jiwa inilah yang dimaksudkan dengan kecergasan akal yang digunakan manusia seperti pemikiran mutlak yang tidak memerlukan alat bantu.
3. Jiwa yang berhubung kait dengan bagaimana cara para nabi mencapai pengetahuan.⁴

Peradaban Barat memandang ilmu sekadar sesuatu yang didapati daripada sumber pancaindera dan akal semata-mata. Dengan itu lahirlah pelbagai fahaman pemikiran dalam peradaban Barat seperti humanisme, sekularisme, materialisme, rasionalisme, empirisisme, skeptisisme, relativisme, ateisme, agnostisme, eksistensialisme, komunisme, sosialisme, kapitalisme dan liberalisme.

Berbeza dengan Islam yang menjadikan wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai kayu ukur dalam setiap pandangan dan pemikiran Muslim. Ilmu-ilmu seperti akidah, tasawuf, fekah, tafsir, hadith, falak, hisab dan seumpamanya, dipetik dari konsep wahyu. Ini jelas menunjukkan bahawa pandangan alam Islam telah menghasilkan rangka dan disiplin ilmu yang eksklusif. Sebab itulah orang Barat tidak dapat menghasilkan metode seperti *al-jarh wa al-ta'dil* dalam ilmu hadith dan yang seumpamanya.

Orang Islam juga tidak menerima konsep fahaman dualisme, iaitu pengiktirafan terhadap penduaan hakikat dan kebenaran yang dianggap mutlak dan bertentangan antara satu sama lain. Contohnya seperti: subjektif-objektif, rasionalisme-empirisisme, idealisme-realisme, agama-politik, minda-jasad, dunia-akhirat. Ini kerana setiap konsep berdasarkan pandangan alam. Sedangkan pandangan alam Islam sangat berbeza daripada pandangan alam Barat.

Ilmu pengetahuan hendaklah dibicarakan dari perspektif epistemologi dan falsafah. Ini bermakna persoalan ilmu hendaklah digarap dari peringkat yang paling mendasar dengan mengenal pasti unsur-unsur penting yang membentuk pandangan Islam terhadap ilmu. Tumpuan khas perlu diberikan kepada sumber wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Dari dua sumber asasi ini

⁴ Abdullah al-Amin al-Na'miy, *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*, terj. Mohd Ramzi Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 71.

berkembang pula kaedah tafsiran sumber asasi tersebut oleh pelbagai aliran pemikiran dalam sejarah Islam.

Berdasarkan kedua-dua sumber asasi ini dan tafsirannya, maka terbentuklah *weltanschauung* atau pandangan alam Islam. Pandangan alam Islam, yang merupakan nilai dan sikap yang sepatutnya dimiliki oleh setiap orang Islam dalam menjalani kehidupan mereka, terbentuk dari kefahaman tentang konsep-konsep utama seperti Tuhan, insan, alam, Rasul dan ilmu.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, dalam pandangan alam Islam, ilmu hanya dapat ditakrifkan dengan tepat secara deskriptif. Beliau membahagikan pencapaian dan pendefinisan ilmu secara deskriptif kepada dua bahagian:

1. Sebagai sesuatu yang datang dari Allah SWT, ilmu itu adalah tibanya (*husul*) makna sesuatu objek ilmu ke dalam jiwa pencari ilmu.
2. Sebagai sesuatu yang diterima oleh jiwa yang aktif dan kreatif, ilmu adalah tibanya (*wusul*) jiwa pada makna sesuatu objek ilmu.⁵

Bagi al-Attas, ilmu adalah kepercayaan yang benar atau keyakinan dan merupakan satu aspek daripada keupayaan spiritual manusia. Oleh itu ilmu adalah iman dan kebenaran kerana ia melibatkan penegasan spiritual dan pengesahan fizik. Beliau menegaskan bahawa ilmu adalah kesatuan antara orang yang mengetahui dengan makna. Kesatuan ini hanya berlaku apabila seseorang itu memiliki potensi, persiapan intelektual dan kekuatan spiritual. Walaupun ramai manusia berpotensi, namun hanya sebilangan tertentu sahaja yang dianugerahkan Allah SWT ilmu yang betul, kerana ilmu adalah pemberian Allah SWT kepada yang terpilih sahaja.⁶

Pencarian ilmu bukan sekadar pengumpulan maklumat dan fakta. Apa yang penting ialah kefahaman dan kesedaran yang dicapai oleh jiwa atau hati nurani seseorang, sehingga ilmu yang diperolehi menjadi pelita yang menerangi kehidupannya dan memberi manfaat. Ilmu Islam pada dasarnya tidak selari dengan

⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: an Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995), 14.

⁶ Khalif Muammar, *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal* (Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, 2006), 7.

hawa nafsu dan tidak akan masuk ke dalam jiwa yang bermatlamat keduniaan. Imam Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (m.1111) pernah mengatakan: “Kami mencari ilmu-ilmu Islam kerana selain Allah maka ilmu itu enggan datang kecuali kerana Allah”.⁷

Islam melihat ilmu bukan semata-mata bersifat eksperimental, tetapi memandangnya dalam pelbagai aspek:

1. Aspek metafizik yang dibawa oleh wahyu Ilahi, mengenai hakikat Tuhan, matlamat hidup manusia, dasar pegangan hidup dan perkara ketuhanan yang lain.
2. Aspek kemanusiaan dan kajian mengenainya, yang merangkumi perbincangan tentang kehidupan manusia, hubungannya dengan dimensi ruang dan masa, psikologi, sosiologi, politik, ekonomi dan lain seumpamanya.
3. Aspek material, iaitu mengenai alam semesta, ilmu yang didapati berdasarkan pemerhatian, eksperimen dan sebagainya.⁸

Menurut Al-Attas lagi, ilmu merupakan sesuatu yang tidak bersifat neutral kerana ilmu adalah sifat manusia. Segala sesuatu yang berada di luar akal fikiran bukanlah ilmu pengetahuan, melainkan fakta dan maklumat yang kesemuanya adalah objek ilmu pengetahuan. Contohnya al-Qur’an dianggap sebagai sumber ilmu pengetahuan bagi umat Islam, tetapi di mata orang kafir ia tidak bererti apa-apa.⁹

Dalam Islam, pengetahuan dikatakan pengetahuan jika ia menjadi ilmu yang bermanfaat bagi manusia untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat, bermanfaat bagi diri dan orang lain serta dengan ilmu pengetahuan tersebut mendekatkan dirinya kepada Allah SWT. Ibn Khaldun sangat menitikberatkan adab dan keberkatan dalam menuntut ilmu dengan memberi penekanan terhadap hubungan guru-pelajar. Beliau juga menekankan aspek penguasaan bahasa dalam menuntut ilmu.¹⁰

⁷ Ibid., 8.

⁸ M. Zainuddin, *Filsafat Ilmu: Perspektif Pemikiran Islam* (Jakarta: Lintas Pustaka, 2006).

⁹ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 41-42.

¹⁰ Zaid Ahmad, *The Epistemology of Ibn Khaldun* (London: Routledge Curzon, 2003).

Aliran Epistemologi Barat Moden

Pada pandangan rasionalis, kebenaran boleh diiktiraf sebagai benar jika sesuai dengan kenyataan atau dapat dibuktikan. Perkara yang tidak dapat dilihat secara nyata tidak dianggap benar kerana tidak sesuai dengan kenyataan. Mereka juga berpendapat bahawa pengalaman dan pengamatan bukanlah suatu jaminan untuk mendapatkan kebenaran.¹¹

Prinsip rasionalisme ialah akal adalah sumber pengetahuan. Akal dikatakan mampu mencapai kebenaran dan pengetahuan. Aliran ini mengutamakan akal sebagai alat untuk mendapatkan kebenaran, berbanding pancaindera. Bagi mereka, pengetahuan dan kebenaran dapat diperolehi dan diukur dengan akal manusia.

Walau bagaimanapun, aliran rasionalisme tidaklah menolak secara total kepentingan pancaindera dalam mendapat pengetahuan. Pancaindera diperlukan untuk merangsang akal dan memberi bahan-bahan yang membolehkan akal dapat bekerja dengan baik. Bagi fahaman ini, akal dapat membawa manusia kepada kebenaran. Keputusan-keputusan tentang kebenaran yang rasional dan dapat dibuktikan dengan kaedah logik, atau sesuai dengan kenyataan, maka itu dianggap sebagai kebenaran.¹²

Menurut empirisme, pancaindera adalah sumber pengetahuan manusia, baik jasmani mahupun rohani. Dengan demikian, manusia mampu mendapatkan ilmu dengan pancaindera, dan tidak berhajat kepada wahyu. Selain itu, ia boleh menjadikan pengalaman sebagai guru yang terbaik untuk mendapatkan pengetahuan dan kebenaran.

Mereka berpandangan bahawa manusia tidak mengetahui apapun sebelum pancaindera mereka menyerap sesuatu dari luar dirinya. Sekiranya pancainderanya tidak berfungsi dengan baik, atau tidak menggunakannya seperti ketika manusia tertidur, maka dalam keadaan tersebut manusia tidak mendapat pengetahuan.¹³

Dalam pandangan sekular, pengetahuan bermula dengan keraguan. Dengan keraguan tersebut manusia berusaha membina sebuah pengetahuan, yang mereka teliti dengan kerangka berfikir ilmiah; dengan pola deduktif atau induktif. Menurut fahaman

¹¹ M. Solihin, *Perkembangan Pemikiran Falsafat dari Klasik Hingga Modern* (Bandung: Pustaka Setia, 2007).

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

sekular, sesuatu dianggap ilmu sekiranya ia dapat dibuktikan dengan kaedah ilmiah, tanpa mengambil kira sama ada ia memberi manfaat kepada manusia atau tidak.

Di bawah ini adalah kronologi perkembangan aliran epistemologi Barat moden:

1. Fahaman humanisme yang memprotes autoriti gereja bermula pada abad ke-15M dan memuncak pada abad ke-16M di Eropah. Ia berakhir dengan penolakan kebenaran agama dan memahkotakan peranan akal.
2. Teori empirisisme Francis Bacon (1561-1626) berkembang dengan kaedah induksi yang menganjurkan bahawa ilmu yang sah hanya diperolehi melalui pancaindera.
3. Teori positivisme Auguste Comte (1798-1857) memahkotakan ilmu-ilmu empirik yang diperolehi menerusi pancaindera sebagai mutlak, membentuk pemikiran dikotomi, iaitu bersifat terpisah dan bertentangan yang menguasai aspek ilmu dan nilai.
4. Fahaman sekularisme ini dibawa dalam sistem pendidikan yang bersifat sekular yang dijadikan pendidikan nasional di Eropah.
5. Negara-negara Eropah Barat mengeksport dan memperkenalkan sistem pendidikan sekular ini di negara jajahan, termasuklah Malaysia.¹⁴

Kesan Aliran Epistemologi Barat Moden

Epistemologi Barat moden ini banyak memberi kesan negatif kepada umat Islam. Antara kesan negatif aliran rasionalisme dan empirisisme ialah:

1. Mengakibatkan seseorang mendewa-dewakan akal sebagai puncak dari kepercayaannya terhadap kemampuan akal, dengan maksud paling tidak menundukkan autoriti wahyu di bawah akal, atau lebih parah lagi menolak wahyu.
2. Manusia yang terjebak kepada pendewaan akal akan terjerumus ke lembah kesyirikan atau penafian kemutlakan ilmu, iradat dan kudrat Allah SWT.

¹⁴ Ghazali Basri, "Pendidikan Sepadu dalam Sistem Dualisme: Sebuah Sorotan Kritis," *Jawhar: Jurnal Kajian Ketamadunan* 7, bil 1-2 (Jun/Jul-Nov/Dis 2010), 3-4.

3. Menganggap wahyu menjadi tidak penting kerana akal sudah cukup untuk mengetahui kebenaran dan mencapai ilmu pengetahuan.
4. Manusia bergantung kepada pancaindera untuk mendapatkan ilmu, tanpa mengambil kira sumber wahyu.
5. Aspek kemanfaatan ilmu dianggap tidak penting, sedangkan Islam amat mementingkannya.¹⁵

Manakala implikasi pengaruh sekularisme terhadap epistemologi adalah seperti berikut:

1. Lahir pertembungan antara akal dan wahyu.
2. Dari aspek nilai, wujud percanggahan antara nilai kudus dan nilai cemar.
3. Dari aspek ilmu, wujud pertentangan antara ilmu agama dan ilmu akal, yang umumnya disebut sebagai sains.
4. Lahir dua jenis kebenaran dalam epistemologi Barat moden, iaitu kebenaran agama dan kebenaran sains, masing-masing dengan autoritinya.¹⁶
5. Sistem dualisme ini bersifat dikotomi yang memisahkan agama daripada kehidupan seluruhnya, menjauhkan nilai agama dalam semua bidang keilmuan, yang diistilahkan sebagai “deislamisasi”.¹⁷

Konsep pendidikan sekular sangat bertentangan dengan konsep kesepaduan ilmu dalam Islam. Islam mengiktiraf apa sahaja ilmu yang memberi faedah kepada manusia, asalkan sahaja dipastikan tepat kaedah memperolehinya, mempelajarinya, menghayatinya dan mengaplikasikannya menurut urutan keutamaan sebagaimana yang dijelaskan oleh epistemologi Islam. Oleh yang demikian, tidak timbul pemisahan antara ilmu-ilmu agama (wahyu) dengan ilmu bukan agama (akal) seperti sains dan teknologi sekarang.¹⁸

Penutup

Epistemologi adalah suatu cabang falsafah yang membahaskan tentang pengetahuan, apa itu pengetahuan, dan bagaimana

¹⁵ Solihin, *Perkembangan Pemikiran Falsafat*.

¹⁶ Ghazali, “Pendidikan Sepadu dalam Sistem Dualisme,” 3-4.

¹⁷ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1978).

¹⁸ Ghazali, “Pendidikan Sepadu dalam Sistem Dualisme,” 5.

memperoleh pengetahuan. Wahyu merupakan sumber pengetahuan yang utama, petunjuk dan pembeza antara yang hak dan yang batil kerana Allah SWT adalah satu-satunya sumber kebenaran.

Wahyu merupakan sumber ilmu yang paling tepat dan diyakini untuk mencapai pengetahuan yang bersifat fizik dan metafizik yang tidak dapat dijangkau oleh akal manusia yang terbatas, seperti syurga, neraka, malaikat, azab kubur, iblis, mizan, sirat dan peristiwa hari kiamat. Manakala akal pula tidak dapat mengatasi atau menandingi kedudukan wahyu sebagai sumber kebenaran.

Umumnya, ilmu pengetahuan datang daripada pelbagai saluran, iaitu pancaindera, akal fikiran yang sihat, berita yang benar dan intuisi atau ilham. Peradaban Barat moden memandang ilmu sekadar sesuatu yang didapati daripada sumber pancaindera dan akal semata-mata.

Kemampuan akal manusia untuk mengetahui segala hakikat dan mendapatkan ilmu itu sangat terbatas. Manusia tidak akan mampu menguasai semua hakikat alam semesta, sebagaimana ia tidak mampu mengetahui hakikat-hakikat yang ghaib dengan usahanya sendiri. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Isra', ayat 85, yang bermaksud: Dan tidaklah kamu diberi ilmu pengetahuan melainkan sedikit.

Akal manusia juga cenderung berfikiran salah, sebagaimana akal juga cenderung lalai dan lupa. Dengan demikian manusia sangat memerlukan petunjuk Allah kepada sesuatu yang membawa kebaikan pada dirinya, samada melalui bimbingan para nabi dan rasul, atau pun melalui ilham yang dikurniakan Allah.

Rujukan

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Malaysia, 1986.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1978).

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: an Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur:

- International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995.
- Al-Na'miy, Abdullah al-Amin. *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Terjemahan Mohd Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Ghazali Basri. "Pendidikan Sepadu dalam Sistem Dualisme: Sebuah Sorotan Kritis." *Jawhar: Jurnal Kajian Ketamadunan* 7, bil 1-2 (Jun/Jul-Nov/Dis 2010).
- Jujun S. Suriasumantri. *Filsafat Ilmu: Sebuah Pengantar Populer*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1998..
- Khalif Muammar. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, 2006.
- M. Solihin. *Perkembangan Pemikiran Falsafat dari Klasik Hingga Modern*. Bandung: Pustaka Setia, 2007.
- M. Zainuddin. *Filsafat Ilmu: Perspektif Pemikiran Islam*. Jakarta: Lintas Pustaka, 2006.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Zaid Ahmad. *The Epistemology of Ibn Khaldun*. London: Routledge Curzon, 2003.

